

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ HJ. SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**  
menyatakan inisiatif pihak Kementerian bagi memastikan harga getah kekal kompetitif pada masa hadapan, adakah ianya dalam bentuk bantuan kewangan sahaja dan apakah bantuan lain yang mungkin disalurkan kepada pekebun getah yang terpaksa menanggung kesempitan akibat daripada harga getah yang rendah.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengekalkan daya saing industri getah. Ini adalah memandangkan kebanyakan daripada pengusaha tanaman getah adalah pekebun kecil di luar bandar dan negara mempunyai industri hiliran getah yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu memastikan sumber bahan mentah bagi menyokong aktiviti hiliran berasaskan getah terus dikekalkan.

Bagi membantu para pekebun kecil getah meneruskan kegiatan penorehan dalam keadaan harga yang rendah, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015. IPG akan diaktifkan apabila paras harga SMR 20 berada pada RM4.60 se kg dan harga cuplumps adalah RM1.75 se kilogram dan ke bawah. Pelaksanaan IPG melibatkan pemberian insentif pengeluaran seperti berikut:

- (a) RM0.30 bagi se kg *cuplumps* (50% Kandungan Getah Kering - KGK);
- (b) Maksima RM0.90 bagi se kg lateks berdasarkan peratus KGK; dan
- (c) Maksima RM0.60 bagi se kg getah *Unsmoked Sheet* (USS) berdasarkan KGK.

Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan insentif menanam semula pokok-pokok getah yang tua dengan benih klon getah yang berkualiti tinggi kepada pekebun kecil. Di bawah program ini, geran tanam semula sebanyak RM9,230 sehektar disediakan kepada pekebun kecil di Semenanjung serta di Sabah dan Sarawak masing-masing pada kadar RM14,000 sehektar dan RM13,500 sehektar.

Bagi memperkukuhkan permintaan dalam negara, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan produk-produk baru. Di samping itu, aktiviti promosi akan dipergiatkan bagi meninjau pasaran-pasaran eksport baru serta memperkukuhkan pasaran sedia ada.

Selain itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sedang bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mengkaji kemungkinan menggunakan adunan getah dan bitumen bagi tujuan pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya. Langkah ini juga akan membolehkan peningkatan penggunaan getah asli dalam negara.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli utama dunia bagi memperkukuhkan harga. Ini termasuk:

- i. Bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)*. Ketiga-tiga negara ini menyumbang 67% daripada pengeluaran getah asli dunia. Langkah-langkah yang telah

dipersetujui di bawah ITRC termasuk meningkatkan penggunaan getah asli dalam negara, kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan dan, bertukar-tukar maklumat mengenai penggunaan dan penghasilan produk-produk getah. Di samping itu, usaha juga akan terus diambil untuk menambahkan bilangan ahli ITRC untuk memperkukuhkan keberkesanan pakatan ini. Vietnam baru-baru ini telah menyatakan persetujuan untuk menyertai ITRC. Penyertaan Vietnam akan mengukuhkan lagi kerjasama ini ,di samping membantu meningkatkan syer global pengeluaran negara-negara anggota ITRC daripada 67% kepada 74% memandangkan Vietnam kini merupakan pengeluar getah asli ketiga terbesar dunia; dan

- ii. Malaysia merupakan ahli *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) yang menggabungkan seramai 11 buah negara yang menghasilkan 92% getah asli dunia. Mesyuarat peringkat Menteri-Menteri ANRPC di Kuala Lumpur pada 8 Mei 2015 di Kuala Lumpur telah bersetuju antara lain negara-negara ANRPC bekerjasama mengukuhkan harga getah asli. Ini termasuk kaedah mengimbangkan permintaan dan pengeluaran, perkongsian maklumat dan memperkukuhkan sekretariat ANRPC di Kuala Lumpur bagi menerajui aktiviti-aktiviti pengukuhan harga getah asli.

Sekian, teriam kasih.